

PENGHARGAAN



Saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah Azzawajalla kerana dengan Kudrat dan Iradat-Nya, menganugerahi saya kesabaran serta iltizam untuk menyempumakan tugas ilmiah ini.

Kalungan setinggi-tinggi terima kasih kepada pensyarah dan penyelia pengkaji, Prof Madya Dr. Sufean Hussin, yang telah mencurahkan masa dan tenaganya tanpa mengenal batasan waktu dan tempat, membimbing serta menasihati pengkaji dalam rangka kerja yang efisien dan sistematik. Tanpa panduan beliau, kelancaran kajian ilmiah ini mungkin terganggu. Kepada para pensyarah di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya yang pernah mencurahkan ilmu yang tidak ternilai kepada diri ini, jutaan terima kasih jua saya rakamkan.

Kepada Bahagian Biasiswa Kementenrian Pendidikan Malaysia, jambangan terima kasih saya hulurkan. Tanpa kerjasama serta ihsan daripada pihak Kementerian Pendidikan, saya yakin 'pendakian di persada ilmu saya ini akan tersungkur di tengah jalan lantaran belitan masa serta tugas harian yang tak kunjung padam.

Tidak lupa saya titipkan nasihat, pertolongan serta motivasi yang telah dihulurkan oleh bekas pengetua Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang, Almarhum Ustaz Abd. Morat Abd. Samat,, Ustaz Ahmad Ismail serta Ustaz Samingan Hj. Noor. Semoga kalian berada di dalam naungan rahmat dan keampunan Ilahi. Tidak ketinggalan rakan-rakan seperjuangan, yang berada di 'Bumi Waqafan' dan 'Menara Gading' yang sentiasa memberi dorongan kepada pengkaji, khususnya Encjk Habib Mat Som. Semoga Allah membalas jasa dan budi kalian.

Saya juga terhutang budi kepada personalia yang sudi diwawancara, dan seterusnya memberi pelbagai pertolongan kepada pengkaji. Al-Fadhil Ustaz Ishak Abas, Ustaz Hassan Salleh, Ustazah Fauziah Abd. Rashid, Ustaz Hussein Unang, dan ramal lagi yang tidak- mampu saya senaraikan satu persatu. Jazakumullahu khairan.

Kepada pihak Arkib Negara 'Penyimpan Khazanah Ilmu' dan stafnya yang setia dan sentiasa bersedia melaksanakan amanah, ucapan jutaan terima kasih. Begitu juga dengan pihak Perpustakaan Shah Alam, Pusat Islam, Banting, serta Universiti Malaya, dan semua personalia yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan kajian ini, rakaman terima kasih jua.

Akhir sekali, sokongan moral yang utuh daripada isteri pengkaji yang dikasihi, Siti Ashah, dan anak-anak yang disayangi, Siti Maisarah, Rabiatal Adawiyah, Abdul Muizz, Nurul Jannah, Muhammad Naim dan Nur Adlina, serta seluruh ahli keluarga, memungkinkan kejayaan kajian ini.

Pengkaji memohon maaf sekiranya ada kekurangan serta ketidaksempumaan disertasi ini.

Wallahu a'lam.

Sekian, wassalam.

Kepada anak-anakku dan generasi baru, ingatlah:
'Dalam Kesukaran Itu Ada Kemudahan dan Kesenangan'.